

## Maybank MyDeco Financing

The terms and conditions are:-

- Malaysian citizens with minimum age of 18 and above.
- This must be the applicant's first or second home financing.
- This must be the applicant's first MyDeco financing application with Maybank.
- The MyDeco facility must be applied separately from the home financing facility.
- The MyDeco facility is operated in a separate account from the home financing facility.
- Option of conventional loans or Islamic financing.
- Financing tenure is up to 10 years or age 70, whichever is earlier.
- Properties may be completed or under construction, landed or high rise residential properties which are currently financed by Malayan Banking Berhad or Maybank Islamic Berhad (collectively referred to as "Maybank").
- Locations of the property will be subject to Maybank's approval.
- The minimum property purchase price or latest open market value in Kuala Lumpur, Selangor, Johor Bahru and Penang Island must be RM300,000 and RM150,000 in other areas.
- The minimum monthly household income of applicants for Kuala Lumpur, Selangor, Johor Bahru and Penang Island must be RM8,000 and RM5,000 for other areas.
- Total combined margin of finance for the home financing facility and the MyDeco facility is up to 120% of the property's purchase price or latest open market value, whichever is lower:-
  - ✓ Home Financing Facility [Account I] - Up to 95% to finance purchase of property and to finance MRTA/MRTT
  - ✓ MyDeco Facility [Account II] - Additional 30% or up to 120% combined margin or a maximum of RM250,000 to finance interior design costs.
- The MyDeco facility covers costs of interior designing, furnishings, fittings, aesthetics, decoration etc
- The home financing facility must be fully disbursed to finance the purchase of property.
- Applicant must have up to date repayment/payment record for the home financing facility.
- The MyDeco facility will be disbursed progressively over a 12 month validity period to finance the costs of interior designing.
- Before the MyDeco works commence, applicant can claim for 1<sup>st</sup> tranche disbursement of up to 30% of approved MyDeco facility by submitting Interior Design (ID) quotation and written request to Maybank home branch for purposes that include purchase of materials/pay deposit to Interior Designer.
- Balance 70% of approved MyDeco facility is to be disbursed progressively to Interior Designer/contractor/supplier against works completed to be substantiated by:-
  - ✓ ID's/Contractor/Supplier's Invoice;
  - ✓ Site visit;
  - ✓ Pictures of works done;
  - ✓ Written concurrence by applicant.
- Applicant must service progressive interest/profit on the MyDeco facility that is progressively disbursed.
- The MyDeco facility must be fully utilized/drawdown within 12 months from the date of its first disbursement.
- Any unutilized/undrawn MyDeco facility after 12 months from the date of first disbursement of the facility will be treated as unmaterialized, whereupon Maybank shall be deemed to have fully disbursed the facility, and the instalments for the disbursed amount shall commence upon notice.
- The two separate facilities comprising home financing and MyDeco financing are to be secured against the same property financed by Maybank.

## Pembiayaan MyDeco Maybank

Terma dan syarat adalah: -

- Warganegara Malaysia dengan umur minimum 18 tahun ke atas.
- Permohonan ini adalah pembiayaan rumah pertama atau kedua pemohon
- Permohonan ini adalah permohonan pembiayaan MyDeco pertama pemohon dengan Maybank.
- Kemudahan MyDeco mesti dimohon secara berasingan daripada kemudahan pembiayaan rumah.
- Kemudahan MyDeco dikendalikan dalam akaun yang berasingan daripada kemudahan pembiayaan rumah.
- Terdapat 2 pilihan iaitu pinjaman konvensional atau pembiayaan Islamik.
- Tempoh pembiayaan sehingga 10 tahun atau umur 70 tahun, yang mana lebih awal.
- Hartanah boleh terdiri dari kediaman siap atau dalam pembinaan, atas tanah atau bertingkat yang kini dibiayai oleh Malayan Banking Berhad atau Maybank Islamic Berhad (secara kolektif dirujuk sebagai "Maybank").
- Lokasi hartanah tertakluk kepada kelulusan Maybank.
- Harga minimum pembelian hartanah atau nilai terkini pasaran terbuka di Kuala Lumpur, Selangor, Johor Bahru dan Pulau Pinang mestilah RM300,000 dan RM150,000 di kawasan lain.
- Pendapatan minimum bulanan isi rumah pemohon untuk Kuala Lumpur, Selangor, Johor Bahru dan Pulau Pinang mestilah RM8,000 dan RM5,000 untuk kawasan lain.
- Jumlah gabungan margin kewangan untuk kemudahan pembiayaan rumah dan kemudahan MyDeco adalah sehingga 120% daripada harga belian hartanah atau nilai pasaran terbuka yang terkini, yang mana lebih rendah: -
  - ✓ Kemudahan Pembiayaan Rumah [Akaun I] - Sehingga 95% untuk membiayai pembelian hartanah dan untuk membiayai MRTA/MRTT
  - ✓ Kemudahan MyDeco [Akaun II] - Tambahan 30% atau sehingga 120% margin gabungan atau maksimum RM250,000 untuk membiayai kos reka bentuk dalaman.
- Kemudahan MyDeco meliputi kos reka bentuk dalaman, perabot, kelengkapan, estetika, hiasan dsb.
- Kemudahan pembiayaan rumah mesti dikeluarkan sepenuhnya untuk membiayai pembelian hartanah.
- Pemohon mesti mempunyai rekod pembayaran balik/pembayaran yang terkini bagi kemudahan pembiayaan rumah.
- Kemudahan MyDeco akan diagihkan secara progresif dalam tempoh sah 12 bulan untuk membiayai kos reka bentuk dalaman.
- Sebelum kerja-kerja MyDeco dimulakan, pemohon boleh menuntut pembayaran "tranche" pertama sehingga 30% daripada kemudahan MyDeco yang diluluskan dengan mengemukakan sebut harga Reka Bentuk Dalaman (ID) dan permintaan bertulis kepada cawangan asal Maybank untuk tujuan termasuk pembelian bahan/bayar deposit kepada Pereka Dalaman.
- Baki 70% daripada kemudahan MyDeco yang diluluskan akan diagihkan secara berperingkat kepada Pereka Dalaman/kontraktor/pembekal terhadap kerja yang telah disiapkan sebagai bukti: -
  - ✓ Invois Pereka Dalaman/Kontraktor/Pembekal;
  - ✓ Lawatan tapak;
  - ✓ Gambar kerja yang telah dilakukan
  - ✓ Persetujuan bertulis oleh pemohon.
- Pemohon mesti membayar faedah/keuntungan progresif ke atas kemudahan MyDeco yang dikeluarkan secara progresif.
- Kemudahan MyDeco mesti digunakan sepenuhnya/dikeluarkan dalam tempoh 12 bulan dari tarikh pengeluaran pertama.
- Sebarang kemudahan MyDeco yang tidak digunakan/tidak dikeluarkan selepas 12 bulan dari tarikh pengeluaran pertama kemudahan tersebut akan dianggap sebagai tidak material, di mana Maybank akan dianggap telah mengeluarkan sepenuhnya kemudahan tersebut, dan ansuran untuk jumlah yang dikeluarkan akan bermula selepas notis.

- Kedua-dua kemudahan iaitu pembiayaan rumah dan pembiayaan MyDeco hendaklah dijamin dengan hartanah yang sama yang dibiayai oleh Maybank.